

Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilisation Studies,  
Universiti Islam Selangor (UIS)**

📍 Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia

☎ 603-8911 7167 📠 +603-8925 4402

✉ info@kuis.edu.my

🌐 <https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad>

---

## *Tanazzul al-Qur'ān dalam Sharḥ al-Ḥikam al-Ghawthiyyah: Sorotan Hikmah Pertama Kitab al-Ḥikam al-Ghawthiyyah Karya Syeikh Abū Madyan al-Maghribī (W. 594 H.)*


*Tanazzul al-Qur'ān in Sharḥ al-Ḥikam al-Ghawthiyyah: Highlights of the First Wisdom of al-Ḥikam al-Ghawthiyyah by Sheikh Abū Madyan al-Maghribī (D. 594 AH.)*

Abur Hamdi Usman  , Zaidul Amin Suffian Ahmad , & Ahmad Levi Fachrul Avivy  

To cite this article:

Usman, A. H., Ahmad, Z. A. S., & Fachrul Avivy, A. L. (2024). *Tanazzul al-Qur'ān dalam Sharḥ al-Ḥikam al-Ghawthiyyah: Sorotan hikmah pertama kitab al-Ḥikam al-Ghawthiyyah karya syeikh Abū Madyan al-Maghribī (W. 594 H.)*. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 9(1), 1239-1253. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v9i1.401>.

To link this article:

 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v9i1.401>

Full Terms & Conditions of access and use can be found at:



<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/open>



Published online: 30 June 2024



Submit your article to this journal:

<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>



View related articles:

<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>


---

### Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

This is an open access article under the CC BY-NC license.





Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilisation Studies,  
Universiti Islam Selangor (UIS)**  
Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia  
603-8911 7167 +603-8925 4402  
info@kuis.edu.my  
https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad

**Vol. 9, No. 1, (June, 2024)**

*Tanazzul al-Qur'ān dalam Sharḥ al-Ḥikam al-Ghawthiyyah:  
Sorotan Hikmah Pertama Kitab al-Ḥikam al-Ghawthiyyah  
Karya Syeikh Abū Madyan al-Maghribī (W. 594 H.)*



*[Tanazzul al-Qur'ān in Sharḥ al-Ḥikam al-Ghawthiyyah: Highlights of the  
First Wisdom of al-Ḥikam al-Ghawthiyyah by Sheikh Abū Madyan  
al-Maghribī (D. 594 AH.)]*

Abur Hamdi Usman <sup>1</sup>, Zaidul Amin Suffian Ahmad <sup>1\*</sup>, & Ahmad Levi Fachrul  
Avivy <sup>2</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.

<sup>2</sup>Institut Agama Islam Tazkia, Jl. Ir. H. Djuanda No. 78 Sentul, Citaringgul, Kec. Babakan Madang, Kota Bogor, Jawa Barat 16810, INDONESIA.

\* Corresponding Author: Zaidul Amin Suffian Ahmad. Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

 zaifulamin@kuis.edu.my.  (+60) 17-2666 952. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0002-3118-1313>.

**Keywords:**

*Tanazzul al-Qur'ān, al-Ḥikam al-Ghawthiyyah, Wisdom, Abu Madyan al-Maghribī, Sufism.*

**ABSTRACT**

Sheikh Abū Madyan al-Maghribī emerged as a prominent Sufi personality during the 6th century AH. He was often known as Ra's al-Sūfiyyah fī Waqtih, which alludes to the prevailing influence of Sufism during his era. Additionally, he was recognised as Shaykh Ahl al-Maghrib, a title denoting his esteemed position within the Islamic community residing in the western region. One of his most renowned literary compositions is al-Ḥikam al-Ghawthiyyah, which has been subject to scholarly expositions aimed at facilitating readers' comprehension of its significance. Sharḥ al-Ḥikam al-Ghawthiyyah, authored by Shihāb al-Dīn Aḥmad ibn Ibrāhīm al-Makkī, who is also recognised as Ibn 'Ilan al-Ṣiddīq al-Shāfi'ī al-Naqshabandī (975–1033), is a text specifically designed for the purpose of delivering lectures. This article subsequently analyses a passage of advice from the book relevant to the argument over the Quranic revelation (Tanazzul al-Qur'ān). This study applies document sources as a data collection and analysed using the content analysis method. Therefore, a qualitative technique was employed to ascertain the distinct semantic connotations of the terms “nuzul” and “tanazzul.” Sheikh Abū Madyan al-Maghribī reached the scholarly conclusion that the phenomenon of nuzul, which refers to the revelation of the sacred verses of the Quran specifically dedicated to the Prophet Muhammad (PBUH), has already taken place and would not recur in the future. The phenomenon of tanazzul al-Qur'ān, denoting the gradual assimilation of the Quran within the hearts of Allah's custodians, is expected to persist until the Day of Judgement.

**Contribution:** This paper contributes significantly by contextualizing Sheikh Abū Madyan al-Maghribī within the historical and literary framework of Sufism during the 6th century AH. It introduces Sharḥ al-Ḥikam al-Ghawthiyyah as a pivotal text for scholarly discourse, specifically focusing on a

passage concerning Quranic revelation. This interpretation not only enriches our understanding of Quranic exegesis and Sufi thought but also provides a methodological framework for future research in contemporary Islamic studies and spirituality.

**Kata Kunci:**

*Tanazzul al-Qur'ān, al-Ḥikam al-Ghawthiyyah, Hikmah, Abū Madyan al-Maghribī, Tasawuf.*

**ABSTRAK**

Syeikh Abū Madyan al-Maghribī merupakan seorang tokoh sufi tersohor pada kurun ke-6 H. Beliau dijuluki sebagai *Ra's al-Sūfiyyah fī Waqtih* (rujukan ahli tasawuf pada masanya) dan rujukan bagi kawasan sebelah Barat Islam (*Shaykh Ahl al-Maghrib*). Hasil karya tulis beliau yang paling popular ialah *al-Ḥikam al-Ghawthiyyah* yang telah disyarah oleh ulama lain bagi memudahkan pembaca menyelami untaian maknanya. Antara kitab syarah yang dimaksud ialah *Sharḥ al-Ḥikam al-Ghawthiyyah* karya Shihāb al-Dīn Aḥmad ibn Ibrāhīm al-Makkī yang dikenali sebagai Ibn 'Ilān al-Ṣiddīq al-Shāfi'ī al-Naqshabandī (975-1033 H.). Sehubungan dengan itu, artikel ini menganalisis satu kalam hikmah daripada kitab tersebut yang berkaitan dengan perbahasan penurunan al-Quran (*Tanazzul al-Qur'ān*). Kajian ini menggunakan sumber dokumen sebagai kaedah pengumpulan data dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dengan menggunakan metode kualitatif kajian ini mendapati wujud perbezaan makna semantik antara perkataan *nuzul* dengan *tanazzul*. Penserah kalam hikmah ini merumuskan bahawa *nuzul* atau proses turunnya ayat suci al-Quran yang dikhaskan kepada Rasulullah SAW telah berlaku dan tidak akan berulang semula. Manakala *tanazzul al-Qur'ān* dengan maksud proses penurunan al-Quran ke dalam hati para wali Allah SWT akan sentiasa berterusan hingga hari kiamat.

**Sumbangan:** Artikel ini memberikan sumbangan yang signifikan dengan meletakkan Sheikh Abū Madyan al-Maghribī dalam konteks sejarah dan sastera Sufisme pada abad ke-6 Hijrah. Ia memperkenalkan *Sharḥ al-Ḥikam al-Ghawthiyyah* sebagai teks penting untuk wacana ilmiah, dengan fokus khusus pada petikan mengenai wahyu Quran. Tafsiran ini bukan sahaja memperkayakan pemahaman kita tentang penafsiran Quran dan pemikiran Sufi, tetapi juga menyediakan kerangka metodologi untuk kajian masa depan dalam kajian kontemporari Islam dan kerohanian.

**ARTICLE HISTORY**

Received: September 11, 2023

Accepted: March 04, 2024

Available Online: June 12, 2024

Published: June 30, 2024

This is an open access article under the CC BY-NC license.



**To cite this article:**

Usman, A. H., Ahmad, Z. A. S., & Fachrul Avivy, A. L. (2024). *Tanazzul al-Qur'ān* dalam *Sharḥ al-Ḥikam al-Ghawthiyyah*: Sorotan hikmah pertama kitab *al-Ḥikam al-Ghawthiyyah* karya syeikh Abū Madyan al-Maghribī (W. 594 H.). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 9(1), 1239-1253. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v9i1.401>.

## I. PENDAHULUAN

Mutakhir ini istilah pembangunan hati mula diterokai oleh sarjana sebanding dengan istilah pembangunan insan. Meskipun dahulunya terma pembangunan hati kurang dikenali, penggunaannya agak kurang digunakan dan diutamakan, bahkan topik tersebut hanya difahami secara umum dalam ilmu kerohanian. Namun begitu, dalam konteks disiplin pembangunan insan, pengurusan hati adalah merupakan satu asas utama yang penting dengan justifikasi seseorang muslim akan menjadi hamba yang tulin dan mampu mencapai kesempurnaan tuntutan penyucian jiwa dan pengabdian diri kepada Allah SWT secara paripurna (Mokhtar, Fuad, Saari, & Aini, 2017). Tidak menghairankan apabila ulama mengkaryakan penulisan di bidang ini yang dirangkum menerusi bait-bait kata hikmah yang sangat menusuk kalbu sehingga dapat mempengaruhi hati para peminat kajian tasawuf. Kitab *al-Hikam* dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat sama ada daripada masyarakat awam ataupun golongan sufi. Dengan keunggulan tersebut, telah menarik minat para pembaca dan penterjemah (Mat Ali, Abdullah, Hussin, & Yusoff, 2020).

Syeikh Abū Madyan al-Maghribī merupakan tokoh perintis yang telah menyumbang dalam penulisan kitab *al-Hikam*. Beliau telah menghasilkan karya-karya yang menjadi rujukan generasi selepasnya di samping mendidik para murid sebagai penerus beliau. Antara karya beliau yang terkenal dan dirujuk sehingga sekarang ialah *Uns al-Wahīd wa Nuzhah al-Murīd fī 'Ilm al-Tawhīd* yang lebih dikenali dengan judul *Hikam Abū Madyan* atau *al-Hikam al-Ghawthiyyah*. Para ulama daripada segenap dunia Islam telah menghasilkan syarahan terhadapnya. Antara syarahan peringkat awal yang ditulis dalam tempoh 1000 sehingga 1328 H. ialah *Sharḥ al-Hikam al-Ghawthiyyah* karya syeikh al-Imām al-'Allāmah Shihāb al-Dīn Aḥmad ibn Ibrāhīm al-Makkī yang dikenali sebagai Ibn 'Ilān al-Ṣiddīq al-Shāfi'ī (w. 1033 H.), *al-Bayān wa al-Mazīd al-Mushtamil 'alā Ma'ānī al-Tanzīh wa Haqā'iq al-Tawhīd* karya syeikh Bā'ishan (w. 1052 H.), *al-Mawāḍ al-Ghaythiyyah Sharḥ al-Hikam al-Ghawthiyyah* oleh syeikh Aḥmad ibn Muṣṭafā al-'Alāwī (w. 1353 H.) dalam tiga (3) juzuk dan merupakan kitab syarah yang paling lengkap, dan *Kanz al-Minan 'alā Hikam Abī Madyan* karya syeikh Dāwud bin 'Abdullah al-Faṭānī al-Jāwī (1769-1847 M.) yang disyarah dalam bahasa Melayu. Penghasilan syarahan ini menunjukkan perhatian yang telah diberikan oleh ulama kepada kitab *al-Hikam al-Ghawthiyyah* (Afandi & Engku Wok Zin, 2021). Kajian penulis mendapati, di antara kitab-kitab syarahan tersebut, *Sharḥ al-Hikam al-Ghawthiyyah* karya Ibn 'Ilān al-Ṣiddīq al-Shāfi'ī yang paling ringkas tetapi padat isi kandungannya. Beliau berjaya menjadikan *al-Hikam al-Ghawthiyyah* istimewa dengan menukil ayat suci al-Quran dan hadis Rasulullah SAW ketika menghuraikan bait-bait hikmah yang berkaitan.

Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan menerusi kitab *Sharḥ al-Hikam al-Ghawthiyyah* karya Ibn 'Ilān al-Ṣiddīq al-Shāfi'ī serta karya-karya *Ulūm al-Qur'ān* dan tasawuf daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah serta huraian berdasarkan karya-karya tafsir yang muktabar.

## 2. BIODATA SYEIKH ABŪ MADYAN AL-MAGHRIBĪ

Syeikh Shu'aib Ibn al-Ḥasan al-Andalusī al-Tilmisānī (w. 594 H./1198 M.), dikenali juga sebagai Abū Madyan al-Ghawth al-Maghribī merupakan tokoh sufi Sepanyol yang bergiat di utara Afrika, kemudian berpindah ke Tlemcen (di Algeria) dan menjadi pengasas tarekat *al-Shādhliyyah* di Sepanyol (Nik Wan, 2021). Syeikh Abū Madyan al-Maghribī mempunyai ramai pengikut sehingga digeruni oleh Sultan Ya'qūb al-Manṣūr yang berkuasa ketika itu (al-Zirikli, 2002).

Daripada ulama Morocco, syeikh Abū Madyan al-Maghribī adalah seorang tradisionalis dan mistik yang terkenal. Beliau adalah ahli terkemuka keluarga Morocco-Andalusia yang mempunyai ketinggian ilmu dan kekayaan yang melimpah. Sejarah merekodkan bahawa kesalehan, pengajaran, dan kebijaksanaan beliau telah memberi manfaat kepada kota suci Jerusalem. Beliau bersama-sama dengan ahli keluarga lain berpindah dari Andalusia ke Fez, yang kemudiannya dianggap sebagai bandar utama di Morocco. Kemudian, saudaranya 'Alī dan anaknya, Madyan, berhijrah ke Mesir. Ahli keluarga yang lain kemudiannya berpindah dari Mesir ke Baitulmaqdis, di mana masyarakat Morocco telah pun bertapak kukuh (Memiş, 2018).

Syeikh Abū Madyan al-Maghribī merupakan pendakwah sufi paling awal yang menyebarkan tarekat *al-Qādiriyya* yang tersebar di Libya pada abad ke-13, yang bertemu dengan pengasasnya syeikh 'Abd al-Qādir al-Jaylānī (w. 1166 M.) di Mekah. Sekembalinya syeikh Abū Madyan dari Mekah melalui Tripoli dan Tunisia, beliau mula berdakwah dan merekrut beberapa murid untuk menyertainya kemudian membina institusi zawiyah *al-Qādiriyya* pertama di Tripoli (Najem, 2005).

Syeikh Abū Madyan al-Maghribī merupakan guru kepada pengasas tarekat *'Alawiyyah* yang membentuk jati diri masyarakat *Ḥaḍramī*, Muḥammad ibn 'Alī Bā' 'Alawī (w. 1232 M.), juga dikenali sebagai ahli fiqah utama

(*al-Fāqih al-Muqaddam*) yang secara tidak langsung menerima jubah sufi (*ilbās khirqat al-tasawwuf*) daripada syeikh Abū Madyan, wali sufi Tlemcen di Morocco melalui ‘Abdullah al-Ṣāliḥ al-Maghribī (Alatas, 1999; Husein, 2021). Melalui syeikh Abū Madyan al-Maghribī terbentuknya tarekat Madyaniyyah yang dinisbahkan kepada nama pengasasnya (Ma’sumi, 1964). Silsilah ini tidak menempuh jurai melalui syeikh ‘Abd al-Qādir al-Jaylānī mahupun jurai syeikh Abū al-Ḥasan al-Shādhilī (w. 1258 M.). Oleh yang demikian, silsilah ini tidak dapat dinisbahkan kepada tarekat *al-Qādiriyya*, sekali pun antara individu yang menjadi guru kepada syeikh Abū Madyan adalah syeikh ‘Abd al-Qādir al-Jaylānī (Radtke, O’Fahey, & O’Kane, 1996). Begitu juga silsilah ini tidak dapat dinisbahkan kepada tarekat *al-Shādhiliyyah* meskipun antara individu yang menjadi murid kepada murid syeikh Abū Madyan, iaitu syeikh ‘Abd al-Salām Mashīsh (w. 1228 M.) ialah syeikh Abū al-Ḥasan al-Shādhilī (Rastam, Abdullah, & Ramli, 2015; Rhani, 2014).

Syeikh Abū Madyan al-Maghribī antara tokoh ulama yang dikatakan selalu melihat Nabi SAW dalam keadaan terjaga (Ibrahim, 2002). Beliau mempunyai beberapa karya tulis, antaranya ialah *Mafātiḥ al-Ghayb li Izālat al-Rayb wa Satr al-‘Ayyb*. Usia beliau mencecah kira-kira 80 tahun dan meninggal dunia di Tlemcen (al-Zirikli, 2002).

### 3. ANALISIS TANAZZUL AL-QUR’AN DALAM SHARḤ AL-ḤIKAM AL-GHAWTHIYYAH

Al-Quran telah diturunkan oleh Allah SWT sebanyak tiga peringkat, iaitu ke Lohmahfuz, kemudian ke *Bayt al-‘Izzah* dan akhir sekali kepada Rasulullah SAW. Peringkat pertama dan kedua penurunan al-Quran berlaku dengan sekali gus, sementara peringkat yang ketiga pula berlaku secara berperingkat-peringkat selama lebih kurang 23 tahun (al-Zarqānī, 1988).

Penurunan al-Quran secara berperingkat-peringkat dari *Bayt al-‘Izzah* ke dunia/kepada Rasulullah SAW adalah pada 17 Ramadhan tahun ke-41 selepas kelahiran Baginda SAW. Dan penurunan ini berterusan sehingga beberapa hari sahaja sebelum kewafatan Nabi SAW. Penurunan al-Quran secara beransur-ansur ini berlaku selama lebih kurang 23 tahun, iaitu 13 tahun di Mekah dan 10 tahun lagi di Madinah (al-Abyārī, 1991). Dan menurut riwayat daripada al-Ḥasan yang dinukilkan oleh Abū al-Ḥasan ‘Alī ibn Aḥmad al-Wāḥidī al-Naysabūrī (w. 468 H.) adalah sekitar 18 tahun (8 tahun di Mekah sebelum hijrah dan 10 tahun di Madinah). Manakala menerusi jalur al-Shu’bī, al-Wāḥidī (1992) merekodkan tempoh penurunan al-Quran adalah sekitar 20 tahun. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya, surah *al-Isrā’* [17] ayat 106:

﴿وَقُرْءَانًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا ﴿١٠٦﴾﴾

Maksudnya:

*Dan al-Quran itu Kami bahagi-bahagikan supaya engkau membacakannya kepada manusia dengan lambat tenang; dan Kami menurunkannya beransur-ansur.*

Penurunan secara beransur-ansur yang sama sekali berbeza dengan cara penurunan kitab-kitab samawi sebelumnya sudah tentu mengandungi rahsia dan hikmah yang tersendiri. Al-Quran telah menyatakan secara jelas bahawa hikmah utama penurunan al-Quran secara demikian adalah untuk menguatkan dan meneguhkan hati Rasulullah SAW yang terpaksa berdakwah secara bersendirian, di samping terpaksa berhadapan dengan kaum musyrikin yang berhati batu, berperangai kasar serta keras kepala (Abd Ghani, 2016). Firman Allah SWT dalam surah *al-Furqān* [25] ayat 32:

﴿وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْءَانُ جُمْلَةً وَاحِدَةً كَذَلِكَ لِيُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا ﴿٣٢﴾﴾

Maksudnya:

*Dan orang-orang yang kafir berkata: “Mengapa tidak diturunkan al-Quran itu kepada Nabi Muhammad SAW semuanya sekali (dengan sekali gus)?” al-Quran diturunkan dengan cara (beransur-ansur) itu kerana Kami hendak menetapkan hatimu (wahai Nabi Muhammad SAW) dengannya, dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu.*

Metodologi penurunan al-Quran pula disampaikan dan diterima secara *talaqqī* (bersemuka atau berhadapan dengan guru) dan *mushāfahah* (memerhati gerak bibir guru untuk mendapatkan sebutan makhraj yang betul). Ia merupakan suatu metode penurunan wahyu yang tidak pernah berlaku terhadap kitab-kitab terdahulu. Melalui metode ini, malaikat Jibril AS menerima bacaan al-Quran daripada Allah SWT, dan melalui cara tersebut juga, Rasulullah SAW menerima al-Quran daripada malaikat Jibril AS (Muhammad Abū Shuhbah, 1992). Terdapat beberapa contoh lafaz dalam al-Quran berkaitan dengan maksud penurunan al-Quran. Contohnya ialah perkataan *anzala* dan *nazzala*. Dalam surah *al-Qadr* [97] ayat 1 disebutkan:

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam lailatulqadar.

Perkataan *anzalnā* di sini berasal daripada bongkah kata *anzala*. Manakala dalam surah *al-Furqān* [25] ayat 1 menggunakan lafaz *nazzala*:

﴿تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا ﴿١﴾﴾

Maksudnya:

Maha berkat Tuhan yang menurunkan al-Furqān kepada hamba-Nya (Nabi Muhammad SAW), untuk menjadi peringatan dan amaran bagi seluruh penduduk alam.

Pada hakikatnya setiap perkataan yang dianggap sama dalam ayat al-Quran mempunyai tujuan, penggunaan, konteks dan maksud sebenar yang berbeza antara satu dengan yang lain. Adapun yang dimaksudkan dengan perkataan *anzalnā* dalam surah *al-Qadr* [97] ayat 1 ialah penurunan secara sekali gus. Ayat ini bermaksud bahawa al-Quran diturunkan sekali gus keseluruhannya dari Lohmahfuz ke langit dunia dalam satu malam sahaja iaitu lailatulqadar (al-Qurtubī, 2006). Manakala yang dimaksudkan dengan *nazzala* dalam surah *al-Furqān* [25] ayat 1 ialah proses penurunan secara beransur-ansur. Ayat ini bermaksud bahawa kitab-kitab terdahulu diturunkan sekali gus, sedangkan al-Quran diturunkan secara beransur-ansur, terpisah-pisah, dan terperinci ayat demi ayat, hukum demi hukum dan surah demi surah. Hal ini lebih berkesan dan mendapat perhatian yang sangat daripada orang-orang yang diturunkan al-Quran kepadanya (Ibn Kathīr, 2000).

Sehubungan dengan itu, hasil kajian mendapati lafaz *nazzala* berulang sebanyak 50 kali yang cenderung menunjukkan kepada makna penurunan secara beransur-ansur. Manakala lafaz *anzala* didapati sebanyak 124 kali dalam al-Quran yang berkaitan dengan penurunan kitab samawi, seperti Taurat, Injil dan al-Quran. Lafaz tersebut mengandungi makna penurunan secara sekali gus sama ada Taurat ataupun Injil. Adapun lafaz *anzala* yang merujuk kepada penyebutan al-Quran menunjukkan makna penurunan secara umum, atau turun secara sekali gus ke langit dunia (Afdhilla, 2020). Manakala lafaz *tanazzal* merupakan derivasi (*ishtiqaq*) daripada perkataan *nazala* (turun). Perkataan ini terbentuk dari tiga konsonan, iaitu *nūn*, *zāy* dan *lām*. Ketiga-tiga huruf ini turut diletakkan baris fathah ke atasnya. Baris yang diiringi bersama tiga konsonan tersebut berperanan sebagai lambang bunyi vokal. Perkataan ini mengandungi berbagai ciri semantik dan unsur tatabahasa secara bersepadu, antaranya dari sudut masa pelakuan dibuat, jumlah pelaku, jantina, status pelaku dan kedudukan ganti nama (Mahazi & Zainal, 2018).

Dalam kitab *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'ān* karya 'Abd al-Bāqī (1882-1968) terdapat 45 pecahan kata daripada perkataan *nazala* yang dikandungi oleh 292 ayat dengan pelbagai makna semantik bagi perkataan yang bermaksud "turun". Namun, terdapat 27 pecahan kata yang terkandung dalam 155 ayat sahaja yang membawa maksud penurunan al-Quran ('Abd al-Bāqī, 1996), sebagaimana ditunjukkan oleh Jadual 1.

## Jadual 1

Jumlah Lafaz *Nazala* dalam al-Quran

Bil.	Pecahan Kata	Surah/Ayat	Bentuk	Makna	Keterangan
1	<i>Nazala</i>	Al-Isrā' [17] ayat 105	Kata kerja lampau	Ia diturunkan	3 ayat
		Al-Shu'arā' [26] ayat 193		Dibawa turun	
		Al-Ḥadīd [57] ayat 16		Kebenaran yang diturunkan	

Bil.	Pecahan Kata	Surah/Ayat	Bentuk	Makna	Keterangan
2	<i>Nazzala</i>	Al-Baqarah [2] ayat 176 Āli ‘Imrān [3] ayat 3 Al-Nisā’ [4] ayat 136  Al-Nisā’ [4] ayat 140  Al-A’rāf [7] ayat 196 Al-Furqān [25] ayat 1  Al-Zumar [39] ayat 23	Kata kerja lampau	Telah menurunkan  Ia menurunkan Al-Quran yang telah diturunkan Allah SWT telah pun menurunkan Telah menurunkan Menurunkan  Telah menurunkan	7 ayat
3	<i>Nazzalnā</i>	Al-Baqarah [2] ayat 23 Al-Nisā’ [4] ayat 47 Al-An’ām [6] ayat 7 Al-Hijr [15] ayat 9  Al-Naḥl [16] ayat 89 Al-Insān [76] ayat 23 Al-Isrā’ [17] ayat 106	Kata kerja lampau	Kami telah turunkan  Telah Kami turunkan Kami turunkan Kamilah yang menurunkan Kami turunkan Kami telah menurunkan	6 ayat
	<i>Nazzalnāhu</i>	Al-Shu’arā’ [26] ayat 198	Kata kerja lampau	Kami telah menurunkannya Kami turunkan al-Quran	2 ayat
5	<i>Nazzalahu</i>	Al-Baqarah [2] ayat 97 Al-Naḥl [16] ayat 102	Kata kerja lampau	Malaikat Jibril AS telah menurunkannya Al-Quran itu diturunkan	2 ayat
6	<i>Tunazzila</i>	Al-Nisā’ [4] ayat 153  Al-Isrā’ [17] ayat 93	Kata kerja kini/sekarang ( <i>Maṣḍar mu’awwal</i> ) Kata kerja kini/sekarang	Engkau menurunkan  Engkau turunkan	2 ayat
7	<i>Nunazzilu</i>	Al-Isrā’ [17] ayat 82	Kata kerja kini/sekarang	Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur	1 ayat
8	<i>Yunazzilu</i>	Al-Ḥadīd [57] ayat 9	Kata kerja kini/sekarang	Dialah yang menurunkan	1 ayat
9	<i>Nuzzila</i>	Al-An’ām [6] ayat 37  Al-Hijr [15] ayat 6 Al-Naḥl [16] ayat 44  Al-Furqān [25] ayat 32 Al-Zukhruf [43] ayat 31 Muḥammad [47] 2	Kata kerja lampau bagi pelaku yang tidak diketahui ( <i>fi’l māḍī mabniy li al-majhūl</i> ).  Diturunkan Apa yang telah diturunkan Diturunkan  Diturunkan  Diturunkan	6 ayat	
10	<i>Nuzzilat</i>	Muḥammad [47] 20	Kata kerja lampau bagi pelaku yang tidak diketahui.	Diturunkan	1 ayat
11	<i>Tunazzala</i>	Al-Tawbah [9] ayat 64	Kata kerja kini/sekarang bagi pelaku yang tidak diketahui ( <i>fi’l muḍāri’</i> )	Kalau diturunkan	1 ayat



Bil.	Pecahan Kata	Surah/Ayat	Bentuk	Makna	Keterangan
		Al-Nisā' [4] ayat 174		Kami telah menurunkan	
		Al-Mā'idah [5] ayat 48		Kami turunkan	
		Al-Anfāl [8] ayat 41		Telah diturunkan oleh Kami	
		Yūnus [10] ayat 94		Kami turunkan	
		Al-Hijr [15] ayat 90		Kami menurunkan	
		Al-Naḥl [16] ayat 44		Kami pula turunkan	
		Al-Naḥl [16] ayat 64		Kami menurunkan	
		Ṭaha [20] ayat 2		Kami tidak menurunkan	
		Al-Anbiyā' [21] ayat 10		Kami telah menurunkan	
		Al-Nūr [24] ayat 1		Kami turunkan	
		Al-Nūr [24] ayat 34		Kami telah menurunkan	
		Al-Nūr [24] ayat 46		Kami telah menurunkan	
		Al-'Ankabūt [29] ayat 47		Kami telah menurunkan	
		Al-'Ankabūt [29] ayat 51		Kami telah menurunkan	
		Al-Zumar [39] ayat 2		Kami menurunkan	
		Al-Zumar [39] ayat 41		Kami telah menurunkan	
		Al-Ḥadīd [57] ayat 25		Kami telah menurunkan	
		Al-Mujādilah [58] ayat 5		Kami telah menurunkan	
		Al-Ḥashr [59] ayat 21		Kami turunkan	
		Al-Taghābun [64] ayat 8		Kami turunkan	
18	<i>Anzalnāhu</i>	Al-An'ām [6] ayat 92	Kata kerja lampau	Kitab (al-Quran) yang Kami turunkan	12 ayat
		Al-An'ām [6] ayat 155		Kitab (al-Quran) yang Kami turunkan	
		Yūsuf [12] ayat 2		Kami menurunkan	
		Al-Ra'd [13] ayat 37		Kitab itu Kami menurunkan al-Quran	
		Ibrāhīm [14] ayat 1		Kami turunkan dia	
		Al-Isrā' [17] ayat 105		Kami turunkan al-Quran	
		Ṭaha [20] ayat 113		Kami telah menurunkan al-Quran	
		Al-Anbiyā' [21] ayat 50		Kami turunkan	
		Al-Ḥaj [22] ayat 16		Kami menurunkan al-Quran	
		Ṣād [38] ayat 29		Kami turunkan	
		Al-Dukhān [44] ayat 3		Kami telah menurunkan (al-Quran)	
		Al-Qadr [97] ayat 1		Kami telah menurunkan al-Quran	
19	<i>Anzalnāhā</i>	Al-Nūr [24] ayat 1	Kata kerja lampau	Kami turunkannya	1 ayat
20	<i>Anzalahū</i>	Al-Nisā' [4] ayat 166	Kata kerja lampau	Allah menurunkan dengan ilmunya	3 ayat
		Al-Furqān [25] ayat 6		Al-Quran itu diturunkan oleh Allah	
		Al-Ṭalaq [65] ayat 5		yang diturunkan	
21	<i>Unzilu</i>	Al-An'ām [6] ayat 93	Kata kerja kini/sekarang	Aku akan menurunkan	1 ayat

Bil.	Pecahan Kata	Surah/Ayat	Bentuk	Makna	Keterangan
22	<i>Unzila</i>	Al-Baqarah [2] ayat 4	Kata kerja lampau bagi pelaku yang tidak diketahui	yang diturunkan	34 ayat dan terdapat dua lafaz yang sama berulang dalam ayat ini
		Al-Baqarah [2] ayat 91		yang telah diturunkan	
		Al-Baqarah [2] ayat 136		Apa yang diturunkan	Berulang dua lafaz dalam ayat ini
		Al-Baqarah [2] ayat 185		Padanya diturunkan al-Quran	
		Al-Baqarah [2] ayat 285		Apa yang telah diturunkan	
		Āli 'Imrān [3] ayat 72		Al-Quran yang diturunkan	
		Āli 'Imrān [3] ayat 84		Apa yang telah diturunkan	Berulang dua lafaz dalam ayat ini
		Āli 'Imrān [3] ayat 199		Apa yang diturunkan	Berulang dua lafaz dalam ayat ini
		Al-Nisā' [4] ayat 60		Al-Quran yang telah diturunkan	Berulang dua lafaz dalam ayat ini
		Al-Nisā' [4] ayat 162		Apa yang telah diturunkan	Berulang dua lafaz dalam ayat ini
		Al-Mā'idah [5] ayat 59		Apa yang diturunkan	Berulang dua lafaz dalam ayat ini
		Al-Mā'idah [5] ayat 64		Apa yang telah diturunkan	
		Al-Mā'idah [5] ayat 66		Apa yang diturunkan	
		Al-Mā'idah [5] ayat 67		Apa yang telah diturunkan	
		Al-Mā'idah [5] ayat 68		Apa yang diturunkan	Berulang dua lafaz dalam ayat ini
		Al-Mā'idah [5] ayat 81		Apa yang diturunkan	
		Al-Mā'idah [5] ayat 83		Al-Quran yang diturunkan	
		Al-An'ām [6] ayat 156		Kitab (ugama) itu hanya diturunkan	
		Al-An'ām [6] ayat 157		Diturunkan	
		Al-A'rāf [7] ayat 2		Diturunkan	
		Al-A'rāf [7] ayat 3		Telah diturunkan	
		Al-A'rāf [7] ayat 157		Diturunkan	
		Yūnus [10] ayat 20		Diturunkan	
		Al-Ra'd [13] ayat 1		Diturunkan	
		Al-Ra'd [13] ayat 7		Diturunkan	
		Al-Ra'd [13] ayat 19		Diturunkan	
		Al-Ra'd [13] ayat 27		Diturunkan	
		Al-Ra'd [13] ayat 36		Kami turunkan	
		Al-'Ankabūt [29] ayat 46		Diturunkan	Berulang dua lafaz dalam ayat ini
		Al-'Ankabūt [29] ayat 50		Diturunkan	
Saba' [34] ayat 6		Diturunkan			
Şād [38] ayat 8		Diturunkan			
Al-Zumar [39] ayat 55		Diturunkan			
Al-Aḥqāf [46] ayat 30		Diturunkan			
23	<i>Unzilāt</i>	Al-Tawbah [9] ayat 86	Kata kerja lampau bagi pelaku yang tidak diketahui	Diturunkan	5 ayat
		Al-Tawbah [9] ayat 124		Diturunkan	
		Al-Tawbah [9] ayat 127		Diturunkan	
		Al-Qaşaş [28] ayat 87		Diturunkan	

Bil.	Pecahan Kata	Surah/Ayat	Bentuk	Makna	Keterangan
		Muhammad [47] ayat 20		Diturunkan	
24	<i>Tanazzalat</i>	Al-Shu'arā' [26] ayat 210	Kata kerja lampau	Dibawa turun	1 ayat
25	<i>Tanzīlu</i>	Al-Sajadah [32] ayat 2 Al-Zumar [39] ayat 1 Ghāfir [40] ayat 2 Al-Shu'arā' [26] ayat 192 Fuṣṣilat [41] ayat 2 Fuṣṣilat [41] ayat 42 Al-Jāthiyah [45] ayat 2 Al-Aḥqāf [46] ayat 2 Al-Wāqī'ah [56] ayat 80 Al-Ḥāqqah [69] ayat 43	Kata nama ( <i>mubtada'</i> )   Kata nama ( <i>khbar</i> )	Diturunkan  Turunnya Turunnya Adalah diturunkan  Turunnya Ia diturunkan Turunnya  Diturunkan Al-Quran itu diturunkan Al-Quran itu diturunkan	10 ayat
26	<i>Tanzīlan</i>	Al-Isrā' [17] ayat 106 Taha [20] ayat 4  Al-Insān [76] ayat 23	<i>Maḍ'ūl Mutlaq</i>	Beransur-ansur Diturunkan dari (Tuhan) Dengan beransur-ansur	3 ayat
27	<i>Munazzalun</i>	Al-An'ām [6] ayat 114	Kata nama	Adalah diturunkan	1 ayat
<b>JUMLAH</b>					<b>155 Ayat</b>

Daripada 27 pecahan kata yang terkandung dalam 155 ayat ini, lafaz *nazala* dalam bentuk kata kerja lampau sebanyak 18 perkataan (67%), kata kerja kini dengan enam perkataan (22%), dan kata nama sebanyak tiga perkataan (11%) sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 1.

Rajah 1

Pecahan Kata Nazala



Jika merujuk Jadual 1 perkataan *tanazzal* terdapat pada satu (1) ayat sahaja, iaitu surah al-Shu'arā' [26] ayat 210 yang menggunakan lafaz *tanazzalat* (al-Quran dibawa turun) dalam bentuk kata kerja lampau. Pada hakikatnya, terdapat tujuh (7) ayat dalam al-Quran dengan lima (5) pecahan kata yang menggunakan *ṣīghah* (pola) sebegini ('Abd al-Bāqī, 1996). Namun daripada kesemua ayat tersebut, *tanazzul* (proses penurunan al-Quran) hanya terdapat pada surah al-Shu'arā' [26] ayat 210 sahaja<sup>1</sup>. Manakala ayat lainnya sama ada merujuk

<sup>1</sup> Oleh kerana kaum kafir musyrik pernah menuduh bahawa Nabi Muhammad SAW seorang pawang yang sentiasa berhubung dengan jin syaitan, dan bahawa apa yang diturunkan kepadanya ialah sejenis dari yang dibawa oleh syaitan-syaitan kepada pemujanya, maka dalam ayat ini dan ayat-ayat yang berikutnya Allah SWT mendedahkan kepalsuan tuduhan itu (Abdullah Basmeih, 1999).

pada makna penurunan malaikat (*tatanazzalu*, Fuṣṣilat [41]: 30; *tanazzalu*, al-Qadr [97] ayat 4; *natanazzalu*, Maryam [19] ayat 64), syaitan (*tanazzalu*, al-Shu'arā' [26]: 221 & 222), ataupun perintah Allah SWT yang sentiasa turun atau berlaku terus menerus (*yatanazzalu*, al-Ṭalaq [65]: 12). Untuk lebih jelas dapat dilihat pada Jadual 2.

Jadual 2  
Lafaz Tanazzal dalam al-Quran

Bil.	Pecahan Kata	Surah/Ayat	Bentuk	Makna	Keterangan
1	<i>Tanazzalat</i>	<i>Al-Shu'arā'</i> [26] ayat 210	Kata kerja lampau	Dibawa turun (al-Quran)	1 ayat
2	<i>Tatanazzalu</i>	<i>Fuṣṣilat</i> [41] ayat 30	Kata kerja kini/sekarang	akan turunlah malaikat	1 ayat
3	<i>Tanazzalu</i>	<i>al-Shu'arā'</i> [26] ayat 221 <i>al-Shu'arā'</i> [26] ayat 222 <i>al-Qadr</i> [97] ayat 4	Kata kerja kini/sekarang Kata kerja kini/sekarang Kata kerja kini/sekarang	Syaitan-syaitan itu selalu turun Mereka (Syaitan) itu selalu turun Turun malaikat dan Jibril AS	3 ayat
4	<i>Natanazzalu</i>	<i>Maryam</i> [19] ayat 64	Kata kerja kini/sekarang	Kami (malaikat) turun	1 ayat
5	<i>Yatanazzalu</i>	<i>al-Ṭalaq</i> [65] ayat 12	Kata kerja kini/sekarang	Perintah Allah SWT turun (berlaku)	1 ayat
JUMLAH					7 Ayat

*Tanazzul al-Qur'ān* dalam *al-Ḥikam al-Ghawthiyyah* diungkapkan oleh syeikh Abū Madyan al-Maghribī seperti berikut:

القرآن نزل وتنزل، فالنزل قد مضى، والتنزل ق إلى يوم القيامة.

Maksudnya:

*Al-Quran telah turun (nuzūl) dan akan terus turun (tanazzul). Proses nuzūl telah berlalu, tetapi proses tanazzul terus berlangsung hingga hari kiamat.*

Bait ini bermaksud al-Quran turun ke dalam hati Rasulullah SAW menerusi lisan malaikat Jibril AS. Selain itu, al-Quran turun ke dalam hati para wali Allah SWT melalui ilham yang dianugerahkan ke dalam hati mereka yang jernih. Adapun ungkapan: “*Nuzūl* telah berlalu, tetapi proses *tanazzul* terus berlangsung hingga hari kiamat,” bermaksud *nuzūl* atau proses turun yang dikhaskan kepada Nabi SAW telah berlaku dan tidak akan berulang. Namun begitu, proses turun kepada hati para wali akan berterusan sehingga hari kiamat (Ibn 'Ilan, t.th.). Rajah 2 menunjukkan perbezaan lafaz *nuzūl* dan *tanazzul*.

Rajah 2  
Perbezaan antara Nuzūl dengan Tanazzul



Menurut Ibn ‘Ilan (t.th.) dalam *Sharḥ al-Ḥikam al-Ghawthiyyah*, proses turun di sini tidak terhad kepada al-Quran sahaja, tetapi merangkumi pelbagai pengetahuan (*ma‘ārif*) yang terdapat dalam hati setiap makhluk. Dengan begitu, setiap sesuatu semestinya berpotensi untuk mengajak seseorang kepada Tuhan dengan tatacara dan kaedahnya masing-masing. Dan “pengetahuan” tersebut dapat membantu (membisikkan) ke arah itu ketika seseorang bersendirian (sekiranya termasuk dalam kalangan orang yang memahami bisikannya). Dengan erti kata yang lain, pada tiap-tiap perkara terdapat tanda yang membantu seseorang untuk membuktikan bahawa Allah SWT adalah Esa (Ibn ‘Ilan, t.th.).

Abū al-Qāsim Maḥmūd ibn ‘Umar al-Zamakhsharī (1075-1144) dalam kitab beliau *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān* ada menyebutkan kalam ini ketika membahaskan tentang sumber ambilan yang banyak bagi penuntut ilmu tafsir salah satunya ialah pentafsiran menurut makna percakapan dan yang diucapkan daripada kekuatan (kefahaman) syarak. Perkara ini sebagaimana yang didoakan oleh Nabi SAW kepada Ibn ‘Abbās RA dalam sabdanya *اللَّهُمَّ فَفِّهْهُ فِي الدِّينِ وَعَلِّمَهُ التَّأْوِيلَ* (Ya Allah! Berikanlah kepada Ibn Abbās kefahaman di dalam agama serta ajarkanlah kepadanya takwilan-takwilan). Begitu juga seperti yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī Rahimahullah pada kitab *al-Jihad* dalam *Ṣaḥīḥ*nya daripada ‘Alī RA, - صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - هَلْ خَصَّكُمْ رَسُولُ اللهِ - صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - بِشَيْءٍ؟ فَقَالَ: مَا عِنْدَ غَيْرِ مَا فِي هَذِهِ الصَّحِيفَةِ (Adakah Rasulullah SAW mengkhususkan kepadamu dengan seperkara? Kami tidak memiliki (kitab bacaan) selain apa yang termaktub dalam lembaran ini), atau kefahaman yang diberikan kepada seseorang. Oleh sebab itu, al-Zamakhsharī (t.th.: 338) menukilkan bahawa telah berkata beberapa ahli *dhawq*, *وَلَتَنْزِيلٌ قِيَامِ السَّاعَةِ*, *فَلْتَنْزِيلٌ قَدْ مَضَى*, *وَلَتَنْزِيلٌ قِيَامِ السَّاعَةِ*.

Keistimewaan al-Quran tersebut selaras dengan julukannya sebagai mukjizat terhebat bagi Rasulullah SAW yang mengandungi kebenaran dengan jaminan terus daripada Allah SWT yang tidak lapuk sepanjang zaman (al-Wāḥidī, 1992). Menurut pakar tafsir Indonesia, M. Quraish Shihab (l. 1946), daripada ringkasan sejarah penurunan al-Quran dapat dilihat bahawa ayat-ayat al-Quran selaras dengan pertimbangan dakwah. Ia diturunkan beransur-ansur sesuai dengan keperluan dan hajat, sehingga mesej dakwah telah disampaikan secara menyeluruh yang menyebabkan ramai orang berbondong-bondong memeluk Islam. Ketika itu berakhir penurunan wahyu dan ditegaskan oleh Allah SWT menerusi surah *al-Mā‘idah* [5] ayat 3 tentang kesempurnaan agama. Perkara ini membuktikan bahawa ayat al-Quran dipadankan dengan keadaan masyarakat ketika itu. Dalam hal ini, sejarah bangsa, segala peristiwa, adat istiadat dan budaya menggambarkan situasi yang wujud dalam lanskap sosiobudaya kala itu. Namun begitu, ia tidak bermaksud ajaran al-Quran hanya dapat diterapkan pada masa itu sahaja, tetapi dalam semua peringkat, tempat dan sepanjang masa (Shihab, 1992).

Inilah nilai murni yang dimiliki oleh al-Quran yang berterusan proses penurunannya kepada manusia. Justeru sangat pelik bagaimana seseorang tergamak melakukan maksiat kepada Allah SWT atau berlaku pembangkangan kepada perintah-Nya. Sedangkan sekecil-kecil perkara yang ada dalam persekitaran manusia boleh dijadikan sebagai alat peranti untuk mendekatkan diri kepada-Nya. Oleh sebab itu, sebahagian orang Arif telah berkata: “*al-Turuq ilāllāh bi ‘adad anfās al-khalā‘iq*/jalan menuju Allah SWT sebanyak tarikan nafas makhluk.” Dan sebahagian pendapat berkata: “Jalan menuju Allah SWT sebanyak sesuatu yang ada. Setiap partikel zarah merupakan jalan menuju Tuhan. Ia menyeru dengan simbol/rumus dan esensinya ketika diizinkan masuk dari pintunya dan difahami maknanya.” (Ibn ‘Ilan, t.th.).

Ada banyak contoh berkaitan dengan perkara ini. Menurut Ibn ‘Ilan (t.th.) dikisahkan bahawa ada orang yang menjual gandum sambal bersorak: “*Sa‘tar<sup>2</sup> birrī*.” Sorakannya ini didengar oleh para *Sālik* (orang yang menjalani latihan kerohanian secara bersuluk). Orang pertama menangkap seruannya itu dengan *istami‘ wa birrī* (perhatikan kebbaikanku), orang kedua mendengar *mā awsa‘ birrī* (sungguh luas kebbaikanku), sedangkan orang ketiga mendengar *tarā birrī* (hendaklah engkau melihat kebbaikanku). Rumusannya, setiap orang memahami sesuai dengan kondisi dan keadaan masing-masing. Limpahan anugerah Tuhan turun kepadanya sesuai dengan kesediaan yang bersumber dari kurnia dan pemberian-Nya. Oleh sebab itu, seseorang perlu mendatangi Allah SWT, meninggalkan keegoan, daya dan kekuatan diri serta duduk bersimpuh di hadapan-Nya.

Demikian beberapa hikmat yang dapat dipetik daripada untaian bait syair syeikh Abū Madyan al-Maghribī dalam kitab *Hikam*nya. Apa yang jelas, *tanazzul al-Qur’ān* atau proses penurunan al-Quran telah memberi sumbangan besar dalam setiap aspek kehidupan. Sehingga ke hari ini, melalui al-Quran, corak pemikiran dan tanggapan manusia tentang hakikat kehidupan ini telah berjaya diubah ke arah yang lebih baik. Sekali gus, ia membawa suatu perubahan yang besar dalam bahasa Arab hasil daripada fungsinya sebagai alat atau saluran bagi

<sup>2</sup> Sejenis tumbuhan yang kuat bau wangiannya. Rasanya agak pedas dan sedikit pahit. Disebut juga dengan *sa‘tar* atau *za‘tar*. Tumbuhan ini biasa digunakan untuk mengubati sakit tekak, selsema dan dijadikan juga sebagai bahan pembuatan ubat gigi.

mengungkapkan perubahan corak pemikiran manusia. Justeru, bahasa Arab dianggap telah mencapai tahap kemuncaknya dengan penurunan al-Quran dan pemilihannya sebagai bahasa kitab suci terakhir ini. Sifat bahasa al-Quran yang kaya dengan keindahan dan ketinggian bahasa serta keistimewaan *ijāz*nya telah melonjakkan bahasa Arab ke suatu tempat yang sangat mulia (Mat Teh, 2015).

#### 4. KESIMPULAN

Istilah *tanazzul al-Qur'ān* dalam bait hikmah yang disampaikan oleh syeikh Abū Madyan al-Maghribī bermaksud proses penurunan al-Quran ke dalam hati para wali Allah SWT yang akan sentiasa berterusan hingga hari kiamat. Terma ini berbeza dengan lafaz *nuzūl* yang bermaksud proses turunnya ayat suci al-Quran yang hanya dikhaskan kepada Rasulullah SAW, dan perkara ini telah berlaku dan tidak akan berulang semula. Proses turun di sini merangkumi pelbagai pengetahuan (*ma'ārif*) yang terdapat dalam hati setiap makhluk. Ia berpotensi untuk mengajak seseorang mengEsakan Allah SWT dengan tatacara dan kaedah masing-masing. Nilai murni yang dimiliki oleh al-Quran akan berterusan proses penurunnya kepada manusia. Demikian rumusan penting daripada perbezaan makna semantik antara perkataan *nuzūl* dengan *tanazzul* menurut pensyarah hikmah yang tersohor ini.

Di kepulauan nusantara, seperti Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei dan selainnya menganjurkan program Nuzul al-Quran. Sambutan ini diadakan bagi memperingati sejarah penurunan al-Quran kepada Rasulullah SAW. Saban tahun pada 17 Ramadan (rujuk surah al-Anfāl [8] ayat 41 dan al-'Alaq [96] ayat 1-5) mengikut kalendar Hijrah, umat Islam akan berkumpul dan mengadakan majlis khatam serta tadarus membaca ayat suci al-Quran beramai-ramai sempena Nuzul Quran. Meskipun terdapat pro dan kontra di sebalik sambutan ini, justeru penulis mencadangkan sikap toleransi dalam berinteraksi dengan isu ini. Kajian tuntas di masa depan perlu dilakukan bagi memberikan justifikasi ilmiah terhadap kepelbagaian pandangan. Seiring dengan itu, dicadangkan agar pelbagai program menarik terus rancak diaturkan termasuk ceramah agama yang kebiasaannya diadakan di seluruh negara bagi mengenang kembali sejarah turunnya al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW sekali gus menghayati kemuliaan bulan suci Ramadan.

#### KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kewangan atau bukan kewangan dalam perkara atau bahan yang dibincangkan dalam artikel ini.

#### PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Selangor (UIS) atas sokongan yang berharga sepanjang proses penyelidikan dijalankan.

#### SUMBANGAN PENULIS

Artikel ini adalah hasil sumbangan saintifik yang signifikan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh tiga pengarang. Abur Hamdi Usman mengumpul dan menganalisis data. Zaidul Amin Suffian Ahmad melakukan semakan dan penyuntingan. Ahmad Levi Fachrul Avivy memastikan metodologi yang digunakan adalah sesuai dan mencapai objektif penulisan.

#### RUJUKAN

'Abd al-Bāqī, M. F. (1996). *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'ān*. Kaherah, Mesir: Dār al-Ḥadīth.

Abd Ghani, A. R. (2016). Metode penurunan al-Quran dan aspek pemeliharaannya. *Al-Bashirah*, 6(1), 97-106. Diperolehi daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/18965>.

- Abdullah Basmeih. (1999). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- al-Abyārī, I. (1991). *Tārīkh al-Qur'ān*. Kaherah, Mesir: Dār al-Kitāb al-Maṣrī.
- Afandi, A. H., & Engku Wok Zin, E. I. (2021). Syarahan awal Hikam Abu Madyan: Satu sorotan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(1), 191-197. <https://doi.org/10.37231/jimk.2021.22.1.502>.
- Afdhilla, Z. (2020). *Perbedaan ungkapan anzala dan nazzala dalam al-Quran* (Latihan Ilmiah tidak diterbitkan), UIN Ar-Raniry, Aceh, Indonesia.
- Alatas, S. F. (1999). The Ṭarīqat al-'Alawiyah and the emergence of the Shi'i school in Indonesia and Malaysia. *Oriente Moderno*, 18(2), 323-339. Diperolehi daripada <https://www.jstor.org/stable/25817626>.
- Anis, M. Y., Nababan, M., Santosa, R., & Masrukhi, M. (2022). The thematic system in the construction of Arabic Sufism communities and Islamic identity. *HTS Theological Studies*, 78(1), 1-6. <http://dx.doi.org/10.4102/hts.v78i1.7469>.
- Deighton, R. (2021). Rearticulating drunkenness and sobriety: Epistemology and literary embodiment in the Shatḥiyāt of Abū Bakr al-Shiblī and Ibn 'Aṭa'Allāh's Hikam. *Religion Compass*, 15(6), e12395. <https://doi.org/10.1111/rec3.12395>.
- Husein, F. (2021). Preserving and transmitting the teachings of the Thariqah 'Alawiyah: Diasporic Ba 'Alawi female preachers in contemporary Indonesia. *The Journal of Indian Ocean World Studies*, 4(2), 165-187. <https://doi.org/10.26443/jiows.v4i2.82>.
- Ibrahim, M. S. (2002). *The Tijāniyya order in Tamale, Ghana: its foundation, organization and role* (Masters Thesis, McGill University, Canada). Diperolehi daripada <https://escholarship.mcgill.ca/concern/theses/f4752h32v>.
- Ibn 'Ilan, A. I. (t.th.). *Sharḥ al-Hikam al-Ghawthiyah li Shaykh al-Suyūkh Sayyidī Abī Madyan al-Tilmisānī al-Maghribī*. Kaherah, Mesir: Dār al-'Afaq al-'Arabiyah.
- Ibn Kathīr, A. F. I. (2000). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Jil. 10. Ghiza, Mesir: Mu'assasah Qurṭūbah.
- Ma'sumi, M. S. H. (1964). Shaykh 'Alī al-Muttaqī's Risālah Tabyīn al-Ṭuruq. *Islamic Studies*, 3(3), 339-373. Diperolehi daripada <https://www.jstor.org/stable/20832758>.
- Mahazi, M. A., & Zainal, H. (2018). Asas pembentukan kata dalam morfologi Arab. *Ulmum Islamiyyah*, 25, 55-63. <https://doi.org/10.33102/ulum.2018.25.02>
- Mat Ali, A., Abdullah, H., Hussin, M. N., & Yusoff, A. M. (2020). Kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan kitab Al-Hikam Ibnu Al-'Ata'illah Al-Sakandari. Dlm. M. I. Ahmad et al. (Pnyt.), *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Islam II* (84-93). Kuala Lumpur, Malaysia: Fakulti Pengajian Peradaban Islam.
- Mat Teh, K. S. (2015). Jalinan interaktif antara al-Quran al-Karim dengan bahasa Arab. *Umran Journal of Muslim Affairs*, 1(1), 131-151. Diperolehi daripada <https://eprints.uniswa.edu.my/5132/>.
- Memiş, Ş. E. (2018). Between ottomanization and local networks: Appointment registers as archival sources for waqf studies. The case of Jerusalem's Maghariba neighborhood. Dlm. A. Dalachanis & V. Lemire (Pnyt.), *Ordinary Jerusalem, 1840-1940: Opening New Archives, Revisiting a Global City* (pp. 75-99). Brill. [https://doi.org/10.1163/9789004375741\\_007](https://doi.org/10.1163/9789004375741_007).
- Mohd Lana, S. & Abd Ghani, A. R. (2017). Pengaruh kitab Al-Hikam Al-'Ataiyyah dalam masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Ilmi*, 7(1), 1-18. Diperolehi daripada <https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JILMI/article/view/196>.

- Mokhtar, A. A., Fuad, Z., Saari, C. Z., & Aini, Z. (2017). Teori pembangunan hati menurut Al-Syaykh Ibn 'Ata'allah Al Sakandariy. Dlm. M. Abd Majid et al. (Pnyt.), *E-Proceedings of the 3rd International Conference on Islamiyyat Studies* (819-834). Kuala Lumpur, Malaysia: Fakulti Pengajian Peradaban Islam.
- Muḥammad Abū Shuhbah, M. (1992). *Al-Madkhal li Dirasah al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dar al-Jil.
- Najem, F. (2005). Murābiṭīn and Ashrāf of Libya: Betwixt and between roots and rule. *Libyan Studies*, 36, 43-58. <https://doi.org/10.1017/S0263718900005495>.
- Nik Wan, N. M. S. (2021). *Sifat 20, sejarah dan kupasan pendekatan akidah*. Kuala Lumpur: PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- al-Qurṭubī, A. A. M. (2006). *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān wa al-Mubayyin limā Tadammanah min al-Sunnah wa Āyi al-Furqān*. Jil. 22. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Radtke, B., O'Fahey, R. S., & O'Kane, J. (1996). Two Sufi treatises of Aḥmad ibn idrīs. *Oriens*, 35, 143-178. <https://doi.org/10.2307/1580547>.
- Rastam, R., Abdullah, M. S. Y., & Ramli, Y. M. (2015). Analisis salasilah tarekat Shaykh Shams al-Din al-Sumatra'i. *International Journal of Islamic Thought*, 8, 61-79. Diperolehi daripada [https://journalarticle.ukm.my/11005/1/IJIT-Vol-8-Dec-2015\\_7\\_61-79.pdf](https://journalarticle.ukm.my/11005/1/IJIT-Vol-8-Dec-2015_7_61-79.pdf).
- Rhani, Z. (2014). The genealogy of power and the power of genealogy in Morocco: History, imaginary and politics. Dlm. S. B. Savant & H. de Felipe (Pnyt.). *Genealogy and Knowledge in Muslim Societies: Understanding the Past* (37-54). Edinburgh, UK: Edinburgh University Press.
- Shihab, M. Q. (1992). *Membumikan al-Quran: Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*. Bandung: Mizan.
- al-Wāḥidī, A. H. A. (1992). *Asbāb al-Nuzūl*. Dammam, KSA: Dār al-Iṣlāḥ.
- al-Zarqānī, M. A. A. (1988). *Manahil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Jil. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zamakhsharī, B. A. (t.th.). *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Ziriklī, K. D. (2002). *al-A'lām: Qāmūs Tarājum li Ashar al-Rijāl wa al-Nisā' min al-'Arab wa al-Musta'ribīn wa al-Mustashriqīn*. Jil. 3. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn.

### Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

